

Fidelity Guarantee Policy

WHEREAS the Insured (hereinafter called the “Employer”) described in the Schedule hereto by a Proposal and Declaration which together with any correspondence relative thereto shall be the basis of this Contract and of every renewal or extension and which is deemed to be incorporated herein has applied to **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (hereinafter called the “Company”) to guarantee the fidelity of any employee named in the Schedule.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that subject to the Terms Exceptions Limits and Conditions contained herein or endorsed hereon in consideration of the Employer having paid or agreed to pay the Company the Premium stated in the Schedule.

THE COMPANY AGREES to make good and reimburse to the Employer all such direct pecuniary loss (not exceeding the limit of guarantee specified in the Schedule) as the Employer shall sustain by any act of fraud or dishonesty committed by any such employee (hereinafter called “the relevant Employee”):-

- a. During the Period of Indemnity stated in the Schedule and,
- b. During the uninterrupted continuance of employment of the relevant Employee and,
- c. In connection with the occupation and duties of the relevant Employee.

PROVIDED ALWAYS that the Company shall not be liable:-

1. In respect of any of fraud or dishonesty committed by the relevant Employee unless such act of fraud or dishonesty is discovered during the aforesaid Period of Indemnity and within six months thereafter or within six months after the death dismissal or retirement of the relevant Employee whichever event shall first happen.
2. If the nature of the business of the Employer or the duties or conditions of employment be changed or the remuneration of the relevant Employee reduced without the sanction of the Company or if the precautions and checks for securing of accounts shall not be duly observed.
3. To pay more than one claim for the relevant Employee under this Policy.

CONDITIONS

This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. The due observance fulfilment of the Terms Conditions and Endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Employer and the truth of the statements and answers in the said Proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
2. Subject always to the agreement of the Company, the affixing of the appropriate endorsement hereto and payment by the Employer of such additional premium as the Company may in each case demand, the Employer shall be entitled at any time during the currency of this Policy to add to the Schedule hereto the names of further employees provided always that every proposal or statement in writing by the Employer in relation to the making of such employee or employees the subject of the said guarantee shall be deemed to be incorporated into the basis of this contract and be subject to the same obligations as though such proposals or statements were incorporated in the original proposal, declaration or correspondence herein before referred to.
3. This agreement is entered into on the condition that the business of the Employer shall be conducted and the duties of the employees and the checks to be kept upon their accounts shall be in every particular in accordance with the statement provided by the Employer in applying for the guarantee and if during the existence of this agreement any change shall be made in any of the matters referred to in the said statement without the previous consent or approval in writing of the Company, or if any suppression, misrepresentation or misstatement of any fact affecting the risk of the Company be made at time of payment of the first or any subsequent premium, or if the Employer shall continue to entrust an employee with money or goods after having discovered any act of dishonesty on his part, this agreement shall be null and void and all premiums paid thereon forfeited to the Company.

4. All notices required to be given by the Employer to the Company must be in writing addressed to the Company and no alteration in terms of this Policy or any endorsement thereon will be held valid unless the same is signed or initialled by an authorized representative of the Company.
5. Immediately the Employer shall become aware of any circumstances giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy the Employer or this representative shall immediately give notice thereof to the Company stating if known the whereabouts of the relevant Employee and particulars of the acts or defaults then discovered and shall within three months after notice deliver to the Company full details of the claim and shall furnish proof of the correctness of such claim.
6. In the event of a claim all books of accounts of the Employer and any accountant's reports thereon shall be open to the inspection of the Company and the Employer shall give all information and assistance to enable the Company to obtain reimbursement from the relevant Employee or his estate of any monies which the Company shall have paid or become liable to pay under this Policy.
7. The Employer shall if and when required by the Company but at the expense of the Company if a conviction be obtained use all diligence in prosecuting the relevant Employee to conviction for any criminal act which the relevant Employee shall have committed and in consequence of which a claim shall have been made under this Policy.
8. Any monies of the relevant Employee in the hands of the Employer and any monies which but for any act of fraud or dishonesty would have been due to the relevant Employee from the Employer shall be deducted from the amount otherwise payable under this Policy
9. If at the time of any claim arising under this Policy there be any other subsisting guarantee or security in respect of the acts or defaults of the relevant Employee the Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of such claim,
10. The Company shall at any time by giving 7 days' notice to the Employer by Registered Letter at the Employer's address as last known to the Company be at liberty to cancel this Policy provided that the Company shall in that event on demand return to the Employer a proportionate part of the premium corresponding to the unexpired, Period of Insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Employer on 7 days' notice to the Company and in such an event the Employer shall be entitled to a return of premium, less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the then current Period of Insurance.
11. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.
12. It is a fundamental and absolute special condition of this contract of Insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk. Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Company. Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

TAX PROVISION

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

IMPORTANT

The Insured shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

Please examine the insurance policy to ensure that it meets your requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If you have any complaints or grievances pertaining to your policy, please contact your agent, if any or get in touch with our issuing office. We assure you that your complaints will be attended to promptly.

As a responsible insurer, we wish to bring to your attention that you could also address your dissatisfaction to the Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia's Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

Procedures for complaint to OFS

If you are not satisfied with the decision of the Company, you may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of your policy.

If the Mediator makes an award against the Company, you are required to inform the Mediator of your decision to accept or deny the award within 14 (fourteen) days.

If you do not accept the award, you may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against the Company or refer it to Arbitration.

You may communicate with the Company at:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail: CallCentre@zurich.com.my

You may communicate with OFS at:

Ombudsman for Financial Services

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2272 2811 Fax: Tel: 03-2272 2811 Email: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

Procedures for complaint to CSB

Alternatively you may put forward your dissatisfaction over the conduct of the Company by writing to CSB giving details of your complaint and particulars of your policy to:

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
P.O.Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Overseas: +603-2174 1717) Fax: +603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 201701035345 (1249516-V)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Polisi Jaminan Setia

BAHAWASANYA Pemegang Insurans (seterusnya dirujuk sebagai Majikan) yang dinyatakan di dalam Jadual ini, menerusi Cadangan dan Perakuan bersama surat-menyurat yang berkaitan dengannya, yang akan menjadi as kepada Kontrak dan setiap pembaharuan atau lanjutan kepadanya, dan yang dianggap sebagai tergabung di dalam ini, telah memohon kepada **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk menjamin kesetiaan mana-mana kakitangan yang dinamakan di dalam Jadual.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa tertakluk kepada Terma, Pengecualian, Had dan Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendors kepadanya, sebagai pertimbangan kepada Majikan yang telah membayar atau bersetuju membayar kepada Syarikat jumlah Premium yang dinyatakan dalam Jadual.

SYARIKAT BERSETUJU untuk membayar pampasan dan ganti rugi kepada Majikan bagi sebarang kerugian kewangan langsung (tidak melebihi had jaminan yang dinyatakan dalam Jadual) yang ditanggung oleh Majikan akibat sebarang penipuan atau perbuatan tidak jujur oleh kakitangan (seterusnya dirujuk sebagai "Kakitangan berkenaan")

- a. Sepanjang Tempoh Perlindungan di dalam Jadual dan,
- b. Semasa Kakitangan berkenaan bekerja secara terus-menerus dan,
- c. Berhubung dengan pekerjaan dan tugas Kakitangan berkenaan.

DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL bahawa Syarikat tidak bertanggungjawab:

1. Terhadap sebarang tindakan penipuan atau perbuatan tidak jujur yang dilakukan oleh Kakitangan berkenaan melainkan penipuan atau perbuatan tidak jujur tersebut disedari dalam Tempoh Perlindungan yang disebutkan sebelum ini dan sehingga enam bulan selepasnya dan dalam tempoh enam bulan selepas kematian, pempuangan kerja atau persaraan Kakitangan berkenaan, yang mana lebih awal.
2. Jika jenis perniagaan Majikan atau tugas atau syarat pekerjaan ditukar atau gaji Kakitangan berkenaan dikurangkan tanpa kebenaran Syarikat atau jika langkah berjaga-jaga dan pemeriksaan bagi menjamin keselamatan akaun tidak dipatuhi.
3. Untuk membayar lebih daripada satu tuntutan bagi Kakitangan berkenaan di bawah Polisi ini.

SYARAT-SYARAT

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu Kontrak dan sebarang perkataan atau istilah yang memberikan makna khusus pada mana-mana bahagian Jadual hendaklah mempunyai makna khusus sedemikian di mana-mana ia muncul.

1. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini bahawa Majikan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi Terma, Syarat dan Pengendorsan Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi olehnya serta kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam Cadangan.
2. Tertakluk kepada persetujuan Syarikat dalam segala hal, penambahan pengendorsan yang berkenaan di bawah ini dan pembayaran premium tambahan oleh Majikan seperti yang dikehendaki oleh Syarikat, Majikan berhak pada bila-bila masa sepanjang tempoh Polisi, menambah nama kakitangan lain ke dalam Jadual dengan syarat dalam segala hal bahawa setiap cadangan atau kenyataan bertulis oleh Majikan berkaitan dengan langkah memasukkan kakitangan tersebut dalam jaminan ini hendaklah dianggap tergabung ke dalam kontrak dan tertakluk kepada syarat-syarat sama seolah-olah cadangan atau kenyataan sedemikian telah digabungkan dalam cadangan, perakuan atau surat-menyurat asal yang dirujuk sebelum ini.

3. Perjanjian ini dimeterai dengan syarat bahawa perniagaan Majikan hendaklah dijalankan dan tugas kakitangan dan pemeriksaan terhadap akaun mereka hendaklah dibuat menurut kenyataan yang disediakan oleh Majikan semasa memohon untuk jaminan ini dan sekiranya sepanjang tempoh kuatkuasa perjanjian ini, sebarang perubahan dibuat dalam sebarang hal berkaitan dengan kenyataan tersebut tanpa kelulusan atau kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat atau sekiranya berlaku penyekatan maklumat, gambaran salah atau kenyataan salah mengenai sebarang fakta berkaitan risiko Syarikat pada masa pembayaran premium pertama atau seterusnya, atau jika Majikan terus mengamanahkan wang atau barangan selepas mendapati Kakitangan berkenaan telah melakukan perbuatan tidak jujur, perjanjian ini adalah tidak sah dan terbatal dan semua premium yang dibayar akan diambil oleh Syarikat.
4. Semua notis yang perlu diberi oleh Majikan kepada Syarikat mesti dibuat secara bertulis kepada Syarikat dan pindaan kepada terma Polisi atau pengendorsan kepadanya tidak akan dianggap sah melainkan ia ditandatangani atau diparap oleh wakil sah Syarikat.
5. Sejurus selepas Majikan menyedari tentang sebarang keadaan yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi, Majikan atau wakilnya hendaklah memberikan notis kepada Syarikat menyatakan di mana Kakitangan berkenaan berada dan memberikan butir-butir mengenai tindakan atau kesalahan yang disedari dan dalam tempoh tiga bulan selepas notis tersebut, memberikan butir-butir penuh tentang tuntutan dan memberi bukti kebenaran tuntutan tersebut.
6. Sekiranya berlaku tuntutan, semua buku akaun Majikan dan sebarang laporan akauntan boleh diperiksa oleh Syarikat dan Majikan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan untuk membolehkan Syarikat mendapatkan ganti rugi daripada Kakitangan berkenaan atau daripada harta pusakanya bagi sebarang wang yang telah dibayar atau perlu dibayar oleh Syarikat di bawah Polisi ini.
7. Majikan hendaklah, jika dan apabila diperlukan oleh Syarikat, tetapi atas perbelanjaan Syarikat, untuk menyabitkan kesalahan, mencuba sebaik mungkin untuk mendakwa Kakitangan berkenaan atas sebarang tindakan jenayah yang telah dilakukan olehnya yang menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini.
8. Sebarang wang milik Kakitangan berkenaan di tangan Majikan dan sebarang wang yang sepatutnya dibayar kepadanya oleh Majikan tetapi ditahan kerana penipuan atau perbuatan tidak jujur yang berlaku hendaklah dipotong daripada jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Polisi.
9. Sekiranya pada masa tuntutan yang timbul di bawah Polisi terdapat jaminan atau perlindungan yang sedia wujud bagi tindakan atau kesalahan Kakitangan berkenaan, Syarikat tidak akan bertanggungjawab membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian sekadar bagi tuntutan tersebut.
10. Syarikat berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Majikan menerusi surat berdaftar ke alamat terakhir Majikan yang diketahui oleh Syarikat, membatalkan Polisi ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Majikan bahagian perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Majikan dengan memberikan notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Majikan adalah berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans Semasa.
11. Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan satu Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.
12. Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat. Tertakluk selain ini kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Polisi ini.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

PENTING

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Sila periksa polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Polisi, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana polisi dikeluarkan.

Sebagai penginsurans yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati anda kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

TATACARA ADUAN KEPADA OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES

Jika anda tidak berpuashati dengan keputusan pihak Syarikat, anda boleh menulis kepada pihak Pengantara dengan menyertakan maklumat mengenai percanggahan dan butir-butir polisi anda.

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Syarikat, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 (empat belas) hari.

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh membuat aduan dengan pihak Syarikat di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: CallCentre@zurich.com.my

Anda boleh menghubungi OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web:www.ofs.org.my

Tatacara aduan kepada Pusat Khidmat Pelanggan

Sebagai pilihan, anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati anda mengenai tindakan Syarikat dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir polisi anda kepada:

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,

Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Luar negara: +603-2174 1717) Faks: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

